

22/02/2000

Ericsson tambah pelaburan RM100j

Wan Sabariah Shikh Ali; Kadir Dikoh

ERICSSON Mobile Communications Sdn Bhd (Ericsson) mengumumkan pelaburan tambahan sebanyak RM100 juta untuk pembesaran kilang pengeluaran telefon bimbitnya di Bukit Jelutong, Shah Alam, tahun ini.

Presiden Telefonaktiebolaget LM Ericsson, Kurt Hellstrom, berkata setakat ini anak syarikatnya di Malaysia itu sudah membuat pelaburan berjumlah RM250 juta untuk membangun dan menaiktaraf kemudahan pengeluarannya.

Kilang yang mempunyai kapasiti pengeluaran lima hingga tujuh juta unit telefon bimbit setahun itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Hellstrom berkata, pembesaran kemudahan pengeluaran di Malaysia adalah sejajar dengan unjuran pertumbuhan permintaan telefon bimbit di seluruh dunia iaitu kepada kira-kira 400 juta unit berbanding 270 juta unit tahun lalu.

Kira-kira 95 peratus daripada keluaran kilang Ericsson di Malaysia adalah untuk pasaran eksport.

"Pertumbuhan pesat penggunaan telefon bimbit di rantau Asia Pasifik juga mendorong Ericsson menambah kapasiti pengeluaran bagi membolehkan kami mencapai bahagian pasaran yang lebih," katanya pada sidang akhbar selepas perasmian bangunan kemudahan pengeluaran berkenaan.

Turut hadir ialah Presiden dan Pengurus Negara Ericsson Malaysia, Peter Kallberg dan Pengarah Urusannya, Mats Lindskog.

Ericsson mempunyai 14 kilang di seluruh dunia dan Malaysia menghasilkan kira-kira 10 peratus daripada jumlah pengeluarannya.

Hellstrom berkata, Ericsson mempunyai komitmen yang tinggi di Malaysia dengan penyertaan dalam pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) serta menempatkan Pusat Rekabentuk (Unit Pembangunan dan Penyelidikan) di negara ini.

"Malaysia adalah pusat serantau bagi Ericsson. Pusat ini akan menyediakan perkhidmatan dalam bidang tertentu kepada rantau Asia Pasifik dan secara kolektifnya adalah penyumbang terbesar kepada pemindahan teknologi ke Malaysia," katanya.

Hellstrom berkata, sejak 1997 kira-kira empat juta unit telefon bimbit dihasilkan oleh kilangnya dengan nilai eksport melebihi RM1 bilion.

Kilangnya di Malaysia juga mempunyai kandungan tempatan yang tinggi dengan 25 syarikat membekalkan komponen, bahan mentah dan peralatan kejuruteraan pengeluaran.

Dengan adanya Pusat Rekabentuk Malaysia, kerja rekaan alat ganti dan telefon yang sebelum ini berpusat di Amerika Syarikat dan Sweden, boleh dilakukan di negara ini, katanya.

"Sehingga kini, bahan mentah dan komponen yang diperolehi dari sumber tempatan dianggarkan bernilai RM700 juta," katanya.

Selain itu, Ericsson turut menambah bilangan peluang pekerjaan dari 1,200 kepada 1,800 dan dijangka meningkat kepada 2,000 menjelang akhir tahun ini.

(END)